

pelbagai kecerdasan, telah membolehkan para pendidik menyelaraskan sebarang model kurikulum melalui sekurang-kurangnya tujuh lensa. Dokumen-dokumen Sekolah Bestari Malaysia yang berpandukan atas pertimbangan seperti keperluan pendidikan kebangsaan, keperluan keselarasan dengan perkembangan pentaksiran dan keperluan menyediakan pendidikan bertaraf dunia telah menerima kehadiran teori pelbagai kecerdasan ini dengan menyatakan, menghuraikan dan memberi beberapa contoh penggunaannya dalam dokumen-dokumen Kementerian Pendidikan Malaysia. Hakikat ini disegarkan dengan sokongan dan perakuan seperti :

"The theory of MI has become the framework for our work in bringing about positive change in education over the past ten years. This theory is redefining the goals of education."

(Linda Cambell dan rakan-rakan, 1996 : iii)

Dari segi aplikasi teori pelbagai kecerdasan dipaparkan kenyataan yang memberangsangkan iaitu :

"The implementation of MI in the classroom can motivate students, allow for cooperative learning, self-directed learning, and greater academic achievement due to the enjoyment of the activities that target the varying intelligences"

(Staci K. Bonderer, internet, akbonde@rs6000.cmp.ilstu.edu : 1)

David G. Lazear (1991), pula menggariskan empat ciri potensi kecerdasan manusia bagi memberi gambaran tentang spektrum kecerdasan yang boleh direalisasikan pengaplikasiannya, iaitu :

1. Kebolehan mempertingkatkan dan memperluaskan kecerdasan.
2. Kebolehan mengubah dan mengajar kecerdasan.
3. Hakikat kepelbagaiannya berlaku dalam bahagian sistem otak yang berbeza-beza.
4. Intelek yang pluralistik tetapi bersepada bagi tahap tertentu.

Sehubungan senario ini, banyak program akan terlibat dan kemungkinan terjadinya bias seperti kesan akan munculnya satu atau dua kecerdasan sambil terabainya kecerdasan yang lain perlu diatasi. Umpamanya pembelajaran kolaboratif lebih bergantung kepada kecerdasan interpersonal dan linguistik sahaja. Justeru, ketelusan akses kepada perkara ini memerlukan mod-mod lain, yang bermakna contoh proses kolaboratif tadi boleh disesuaikan dengan memasukkan aktiviti kinestetik, visual, muzik, logik dan intrapersonal. Dengan pengubahsuaian ini, murid boleh belajar melalui titik kemasukan intelek mereka yang terkuat. Kesemua ini memerlukan kefahaman yang mendalam tentang teori pelbagai kecerdasan bagi memastikan polisi, norma, dan panduan yang disyorkan oleh Kementerian Pendidikan menyokong pengaplikasiannya dalam Sekolah Bestari sebaik mungkin.

B. Penyataan Masalah

Kajian tentang teori pelbagai kecerdasan dari segi aplikasinya di sekolah boleh dilihat dari pelbagai dimensi. Bagi melihat sejauh manakah para ahli teori kurikulum menjana model yang menggambarkan kekuatan kecerdasan individu

khususnya aspek-aspek yang merentas kurikulum dengan trend format masing-masing, Linda Campbell dan rakan-rakan (1996 : 252) telah menyediakan soalan-soalan yang boleh membongkarkan kekuatan dan kelemahan sesuatu model atau program pengajaran dan pembelajaran, iaitu :

- (a) Apakah perspektif falsafah yang dipromosikan oleh kurikulum?
- (b) Apakah andaian-andaiannya?
- (c) Apakah komponen utama kurikulum (seperti prosedur, pentaksiran dan bahan)?
- (d) Kecerdasan yang manakah menjadi penekanan program?
- (e) Kecerdasan yang manakah mesti dilalui bagi memastikan kejayaan?
- (f) Kecerdasan yang manakah menjadi syarat keperluan guru?
- (g) Kecerdasan yang manakah terlepas pandang?
- (h) Bagaimanakah kurikulum dapat disesuaikan bagi memasukkan ketujuh-tujuh atau semua kecerdasan?

Dari segi dokumen-dokumen Kementerian Pendidikan Malaysia , trend atau format yang dipaparkan dalam usaha menggalakkan pengaplikasian teori pelbagai kecerdasan dalam Sekolah Bestari Malaysia, analisis kandungan perlu dibuat bagi mengetahui kekuatan dan kelemahan dokumen-dokumen berkaitan khususnya asas-asas pegangan yang relevan bagi mengelak kekeliruan yang boleh merosakkan pelaksanaan program berdasarkan teori pelbagai kecerdasan.

Dalam hal ini, kenyataan, huraian dan panduan yang berhubung dengan aplikasi teori pelbagai kecerdasan dalam Sekolah Bestari Malaysia, sewajarnya jelas agar pelaksanaannya tidak menghapuskan program baru atau program semasa kerana implikasi polisi sewajarnya telus dan lues kepada penyesuaian unit pembelajaran individu, bagi menjamin agar program utama kurikulum dapat dipertingkatkan. Aplikasi teori ini juga tidak mengetepikan program-program yang telah berjalan dengan baik, sebaliknya mengekalkan kurikulum yang teruji berjaya.

Rupa bentuk pendekatan yang harus diaplikasikan dalam Sekolah Bestari Malaysia sangat penting diperbincangkan kerana ditegaskan kenyataan dalam teori pelbagai kecerdasan bahawa tidak terdapat cadangan pendekatan tunggal, malah teori Gardner ini mempersempitkan pelbagai cabaran kurikulum seperti bagaimana menggubal pelajaran multi-modal, bagaimana mengenal pasti apa yang paling perlu diajar, bagaimana berpasukan dengan rakan sejawat, bagaimana menggalakkan pembelajaran arah-kendiri melalui projek, bagaimana memanfaatkan bakat individu murid, dan bagaimana mengiktiraf dan mengajar "murid yang bermindakan umur lima tahun" agar keputusan pendidikan menggambarkan kefahaman sejati.

Dengan itu, kajian ini boleh membongkar kekuatan dan kelemahan tafsiran yang didokumenkan tentang aplikasi teori pelbagai kecerdasan yang melibatkan pelbagai implikasi polisi, norma dan panduan. Penegasan Howard Gardner

dalam buku "Teaching and Learning Through Multiple Intelligences" oleh Linda Campbell dan rakan-rakan (1996 : 231) perlu dijadikan pegangan bagi mencadangkan pendekatan-pendekatan yang sesuai dalam kurikulum Sekolah Bestari Malaysia, iaitu :

".....the Theory of Multiple Intelligences is like a Rorschach test. Individual teachers and entire schools may go about applying MI curricular ideas in diverse and often conflicting ways. Gardner asserts that one application of his theory is not necessarily 'right' and another 'wrong'. Typically, both approaches can be justified and prove appropriate for their settings."

Dengan kata lain aspek kekeliruan perlu dijelaskan dengan asas pegangan yang betul bagi memantapkan lagi reka bentuk aplikasi yang berasaskan teori pelbagai kecerdasan dalam Sekolah Bestari Malaysia.

C. Rasional Kajian

Kajian tentang teori pelbagai kecerdasan dipelopori oleh Howard Gardner dengan hasilan pelbagai cadangan teknik telah menyumbangkan alternatif kepada peningkatan dan pengluasan dimensi pengajaran dan pembelajaran yang bersifat pluralistik. Contohnya G. Lazear meneruskan kajian berkaitan dengan menggunakan dimensi berbeza teori pelbagai kecerdasan yang disesuaikan secara lebih mudah dalam memperincikan dan memperluaskan lagi skop kecerdasan. Beliau memberi tumpuan kepada elemen pelbagai kecerdasan sebagai "Tujuh Cara untuk Tahu" telah mendapat pujian daripada gurunya, Howard Gardner. Salah satu aplikasi perdana koridor raya Malaysia

iaitu Sekolah Bestari juga membuka spektrum teori pelbagai kecerdasan dengan beberapa kenyataan, huraihan, dan panduan dalam dokumen-dokumen Sekolah Bestari Kementerian Pendidikan Malaysia.

Dokumen Sekolah Bestari, iaitu buku "Smart School Flagship Application : The Malaysian Smart School - A Conceptual Blueprint" mencetuskan implikasi polisi dari segi area proses pengajaran dan pembelajaran, iaitu :

(a) Pengajaran dan Pembelajaran

Apakah polisi yang perlu dipinda sekiranya pelajar dikehendaki maju mengikut kadar belajar mereka sendiri, dan sekiranya pelajar diberi kebebasan belajar dengan pelbagai cara?

(b) Pentaksiran

Apakah regim terbaik untuk mentaksir bakat pelajar secara berkala dan komprehensif , dan apakah prasarana sokongan yang diperlukan? Bagaimanakah ujian-ujian dapat ditakbirkan dengan adil menerusi pelbagai cara, termasuk talian terus (on-line)?

(c) Pemilihan Bahan

Apakah perubahan yang diperlukan dalam proses pemilihan bahan pengajaran dan pembelajaran bagi memastikan agar bahan Sekolah Bestari yang "terbaik" dipilih?

Di dalam intisari penutup implikasi polisi ini dinyatakan peri pentingnya transformasi dan keperluan komitmen sumber yang perlu mendapat reaksi semua lapis para pendidik bagi menjamin perubahan yang bermanfaat untuk negara di masa depan, iaitu :

"Transforming traditional schools into Smart Schools represents a major undertaking. It will require a significant commitment of resources, but the nation will benefit from the change for many years to come. "
(Dokumen 1 : 17)

Dalam konteks kajian ini, antara kenyataan dokumen tentang keperluan bagi menjamin kejayaan ini ialah "polisi, norma, dan garis panduan yang sesuai bagi menyokong Sekolah Bestari Malaysia " (Dokumen 1 : 17). Hakikat ini mengambil kira beberapa kriteria kunci untuk mengukur prestasi dan kejayaan Sekolah Bestari. Antaranya ialah kurikulum hendaklah luas bagi memenuhi keperluan dan kebolehan pelajar yang berbeza, guru hendaklah cekap, penyayang dan profesional, dan persekitaran atau budaya sekolah hendaklah yang menggalakkan pembelajaran.

Penegasan perkara ini diulang lagi dengan kenyataan bahawa pasukan projek Sekolah Bestari telah mengenal pasti faktor-faktor kritikal ke arah kejayaan menjamin penubuhan dan pelaksanaan Sekolah Bestari berprestasi tinggi, iaitu antaranya ialah "Policies, norms and guidelines that support Smart Schools should be in place" (Dokumen 1 : 128).

D. Batasan Kajian

Kajian ini memberi fokus kepada area proses pengajaran dan pembelajaran dengan kategori pengajaran dan pembelajaran itu sendiri seperti keterangan implikasi polisi iaitu "apakah polisi yang perlu dipinda sekiranya pelajar dikehendaki maju mengikut kadar belajar mereka sendiri, dan sekiranya pelajar diberi kebebasan belajar dengan pelbagai cara?" Justeru, isu yang perlu ditangani ialah kemajuan pelajar berdasarkan pembelajaran kadar kendiri dan kebebasan berdasarkan pembelajaran pelbagai cara. Pengkaji menjurus perspektif berkaitan dalam konteks aplikasi teori pelbagai kecerdasan dalam Sekolah Bestari Malaysia, sesuai dengan kupasan isu yang membawa implikasi polisi yang relevan, iaitu mempertingkatkan kemajuan pelajar dengan pembelajaran kadar kendiri, melibatkan kefahaman terhadap penekanan-penekanan dalam pengajaran dan pembelajaran Sekolah Bestari, dan kebebasan pembelajaran dengan pelbagai cara, melibatkan kefahaman dalam gaya pembelajaran pelajar Sekolah Bestari. Aspek ini dikategorikan di bawah struktur kurikulum yang berasaskan teori pelbagai kecerdasan. Kategori ini akan dimantapkan dengan kefahaman teori pelbagai kecerdasan itu sendiri dari segi definisi dan penggunaan istilah, dan aplikasi pengajaran dan pembelajaran berasaskan teori pelbagai kecerdasan dari segi bentuk, syarat dan contoh aplikasi.

E. Soalan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menjawab soalan kajian yang berhubung dengan implikasi polisi iaitu :

1. Apakah kenyataan tentang teori pelbagai kecerdasan dalam dokumen Sekolah Bestari Malaysia mencerminkan kefahaman yang mendalam?
2. Apakahuraian struktur kurikulum berdasarkan teori pelbagai kecerdasan dalam dokumen Sekolah Bestari Malaysia mencerminkan kefahaman yang mendalam?
3. Apakah panduan aplikasi pengajaran dan pembelajaran berdasarkan teori pelbagai kecerdasan dalam dokumen Sekolah Bestari Malaysia mencerminkan kefahaman yang mendalam?